

21 MAY 1997

Ericsson- Malaysia

ERICSSON UMUMKAN RANCANGAN BESAR UNTUK MALAYSIA

Oleh: Azman Ujang

LONDON, 21 Mei (Bernama) -- Syarikat telekomunikasi gergasi Sweden, Ericsson, telah mengumumkan tiga rancangan pelaburan besar di Malaysia, dua di antaranya ditempatkan di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sedang dipromosikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di sini.

Presiden dan ketua eksekutif Ericsson, Dr Lars Kamqvist berkata di sini Selasa bahawa syarikat itu merancang untuk menubuhkan pusat reka bentuk dan pengeluaran perisian dan juga memindahkan ibu pejabat operasinya di Malaysia dari Shah Alam ke MSC.

Satu lagi rancangan Ericsson, pembekal alat telekomunikasi utama dunia, ialah memulakan pengeluaran telefon bimbit di kompleksnya di Shah Alam sekarang.

Dr Ramqvist, yang sebelumnya menemui Dr Mahathir untuk berbincang mengenai projek-projek itu, juga mengumumkan bahawa beliau telah dilantik oleh Perdana Menteri untuk menjadi anggota Panel Penasihat Antarabangsa MSC. Antara lain yang menganggotai panel itu ialah Bill Gates dari Microsoft, Nibuki Idei dari Sony dan Lewis Platt dari Hewlett Packard.

"Saya sungguh berbesar hati dengan pelantikan ini. Saya telah mengikuti perkembangan MSC dengan penuh minat dan saya berani menyatakan bahawa ia adalah satu wawasan yang paling dinamik yang telah menarik minat dunia," katanya kepada wartawan Malaysia pada satu sidang berita di Hotel Ritz.

Dr Ramqvist, antara nama yang paling dihormati dalam perniagaan telekomunikasi, berkata Ericsson, yang mempunyai 90,000 pekerja di lebih dari 130 negara, memutuskan untuk memilih Malaysia bagi menempatkan rancangan perluasan barunya ini untuk mengambil peluang dari MSC.

"Kami juga mempunyai lebih dari 600 pakar teknik tempatan di Malaysia yang telah diberi latihan meluas mengenai teknologi telekomunikasi terkini di Sweden atau di Akademi Ericsson kami di Shah Alam," katanya.

Sambil menyifatkan Malaysia sebagai pasaran paling penting bagi Ericsson, beliau berkata pasaran telekomunikasi Malaysia adalah lebih luas dari Sweden dengan jumlah jualan melebihi RM1 bilion setahun.

Dr Ramqvist enggan memberitahu mengenai jumlah sebenar pelaburan baru Ericsson di Malaysia itu dan hanya berkata ia adalah besar.

Ericsson memulakan operasinya di Malaysia 14 tahun lepas dengan rakan kongsi tempatannya, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Dr Ramqvist berkata fasiliti Ericsson di Cyberjaya, iaitu bandaraya pintar dalam MSC, akan didirikan sebaik sahaja mendapat kelulusan dari Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Pengeluaran pertama telefon bimbit dari Shah Alam dijangka seawal akhir tahun ini untuk dieksport ke rantau Asia Pasifik.

Jualan Ericsson berjumlah AS\$20 bilion (RM50 bilion) -- iaitu melebihi pendapatan banyak negara di dunia -- dan US\$4 bilion (RM10 Bilion) darinya digunakan untuk penyelidikan dan pembangunan yang ingin dipancing oleh MSC.

Dr Ramqvist, yang juga pemenang Hadiah Nobel 1981 dalam fizik, berkata Ericsson akan juga turut mempromosikan MSC di Sweden bersama dengan MDC, agensi sehenti Malaysia yang ditugaskan membuat persediaan untuk pembangunan MSC, kawasan seluas 15km x 50km yang dikhaskan untuk syarikat-syarikat multimedia berteknologi tinggi.

Pada hari Jumaat, Ericsson akan mengadakan perbincang meja bulat dengan para eksekutif kanan syarikat-syarikat Scandinavia di Stockholm.

Delegasi Malaysia seramai 20 pegawai kanan akan diketuai oleh Menteri

Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie. Ketua Setiausaha kerajaan Datuk Abdul Halim Ali juga akan hadir. -- BERNAMA
AU WAT